

**GARIS PANDUAN MENGENAI
PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN (PTK)
(Ruj: UPSM 29/2006)**

A. Syarat-Syarat Menduduki PTK

1. Telah berada di gred yang disandang secara hakiki dan telah disahkan dalam jawatan.
2. Diperakukan oleh Pengarah Bahagian/Ketua Unit/Pengarah Wilayah/Pengurus Stesen.

B. Pemberian Anjakan Gaji

1. Bagi gred lantikan, terdapat dua anjakan gaji iaitu Anjakan Gaji Pertama dan Anjakan Gaji Kedua.
 - a. Anjakan Gaji Pertama boleh dipertimbangkan :
 - i. setelah lulus Tahap Kecekapan 1 (TK1) pada Aras IV,
 - ii. markah prestasi dalam tahun terkini 80% ke atas,
 - iii. berkhidmat tidak kurang daripada tiga (3) tahun, dan
 - iv. diperakukan oleh Ketua jabatan
 - b. Anjakan Gaji Kedua boleh dipertimbangkan :
 - i. setelah lulus Tahap Kecekapan 2 (TK2) pada Aras IV,
 - ii. telah memperolehi Anjakan Gaji Pertama tidak kurang daripada satu tahun
 - iii. markah prestasi dalam tahun terkini 80% ke atas, dan
 - iv. diperakukan oleh Ketua jabatan
2. Bagi gred kenaikan pangkat, terdapat satu Anjakan Gaji sahaja. Anjakan Gaji boleh dipertimbangkan :
 - i. setelah lulus Penilaian Tahap Kecekapan yang ditentukan (TK3/ TK4/TK5/TK6) pada Aras IV,
 - ii. markah prestasi dalam tahun terkini 80% ke atas, dan
 - iii. berada di gred kenaikan pangkat berkenaan tidak kurang daripada satu tahun.

C. Lain-lain Syarat

- i. Pegawai/kakitangan yang sedang cuti belajar tidak layak mendapat anjakan gaji. Jika mereka hadir untuk menduduki peperiksaan atau kursus PTK, semua perbelanjaan ditanggung oleh pegawai sendiri.
- ii. Jika gagal peperiksaan PTK untuk kali pertama pegawai/kakitangan boleh menduduki sekali lagi. Walau bagaimanapun, jika pegawai/kakitangan gagal PTK kali kedua (dua tahun berturut-turut), beliau tidak dibenarkan menduduki PTK. Pegawai/kakitangan dinasihatkan berehat untuk tempoh satu tahun dan dibenarkan menduduki PTK pada tahun berikutnya.
- iii. Atas kepentingan tugas, Ketua Pengarah atau Pengarah Bahagian boleh membatalkan kehadiran/penyertaan mana-mana pegawai/kakitangan LGM yang terlibat atau mengikuti kursus PTK.

